



Oleh **Dr Aminudin Mansor Minda**

## Semakin sukar mencari nilai kemanusiaan

**M**anusia yang berilmu, berakal dan beriman seharusnya mempunyai nilai kemanusiaan yang terbit dari hati dan perasaan. Nilai kemanusiaan ini dipupuk dan dididik sejak kecil sehinggalah seseorang itu meningkat dewasa.

Apabila nilai kemanusiaan sudah tiada, manusia akan bertindak kasar dan kejam sesama manusia dan haiwan. Kes mencuri lembu hingga menyebabkan lembu 'terpanggang' kerana terbakar oleh dua lelaki di Kampung Bukit Kenak, Jertih, Terengganu, baru-baru ini, menampakkan tiadanya nilai kemanusiaan.

Beberapa kes lain seperti mencuri lembu yang dibawa dalam kenderaan, penderaan terhadap kucing dan anjing yang tidak diberi makan dan terbiar hingga dilanggar oleh kenderaan juga menampakkan tiadanya nilai kemanusiaan.

Kehidupan di dunia ini saling berkaitan dan memerlukan. Manusia memerlukan binatang untuk menjaga rumah dan dijadikan binatang peliharaan. Haiwan juga memerlukan belas ihsan daripada manusia untuk kehidupannya. Dalam sebuah hadis, Nabi SAW bersabda: "Allah melaknat orang yang menyiksa haiwan dan memperlakukannya dengan kejam." (Riwayat Al Bukhari).

Apabila nilai kemanusiaan sudah tiada dalam hati seseorang, sifat tamak, kejam, bengis, buas, ganas, liar dan zalim akan timbul.

Hati orang yang memiliki nilai kemanusiaan sentiasa beriman, tenang dan tenteram serta mempunyai sifat kasih sayang, ihsan, simpati, prihatin, saling membantu, berakhlak mulia, menyayangi haiwan dan tolong-menolong.

Pendidikan nilai kemanusiaan mestilah bermula di peringkat tadika, sekolah rendah dan menengah serta diperteguhkan dalam kehidupan bermasyarakat. Apabila nilai murni ini dapat dimantapkan dalam pendidikan di sekolah, ia akhirnya akan membentuk manusia yang beriman dan bertakwa.

Berbuat baik sesama manusia dan binatang seharusnya ada dalam hati manusia yang beriman dan bertakwa.

Masyarakat Islam terbina atas

pemikiran dan pemahaman jelas yang menjadikan seseorang itu mampu menilai setiap perbuatan berdasarkan pertimbangan akal yang waras. Masyarakat Islam juga terbina atas akhlak dan nilai luhur yang diyakini dapat membentuk nilai kemanusiaan.

Justeru, ilmu adalah antara nilai tertinggi yang dibawa oleh Islam untuk membangunkan kehidupan manusia kerana ia membantu manusia berfikir apa yang baik dan apa yang buruk. Di sinilah letaknya nilai kemanusiaan yang membentuk budaya hidup dan peradaban yang tinggi.

Manusia yang mempunyai nilai kemanusiaan takut melakukan penganiayaan terhadap binatang kerana ia menjurus kepada dosa. Menjauhi perangai menzalimi binatang adalah antara sifat kemanusiaan yang sepatutnya ada dalam diri manusia. Jiwa yang penuh dengan perasaan kasih sayang akan sentiasa menyayangi sesama makhluk di atas muka bumi ini.

Betapa indahnya rasa kemanusiaan dan sentuhan kasih sayang yang terpancar daripada hati dan jiwa manusia yang beriman dan bertakwa yang dapat menyatukan persaudaraan. Nabi SAW bersabda: "Orang-orang Islam satu sama lain bersaudara, tidak saling menzalimi, mengkhianati mahupun menghina." (Riwayat Muslim).

Sifat terpuji seseorang manusia itu hanya dapat dilihat melalui sifat kemanusiaan yang terpancar daripada jiwanya dan ada dalam dirinya.

Manusia yang paling baik adalah manusia yang berkasih sayang sesama manusia, sentiasa menyayangi haiwan dan tidak berlaku zalim dan kejam terhadap manusia dan juga haiwan. Sifat belas ihsan adalah sifat kemanusiaan yang terpuji dan unggul.

Apa yang membezakan manusia dengan binatang adalah ilmu dan keimanan yang ada dalam diri manusia dan sifat kemanusiaan yang terpancar dari hati dan jiwanya. Manusia mampu berfikir untuk menterjemahkan nilai kemanusiaan dalam kehidupannya. Sifat berkasih sayang dan sentiasa memberi maaf adalah nilai kemanusiaan yang paling tinggi.

**Penulis berkelulusan PhD  
Periuratan Melayu, UKM**

